

Parti Pribumi Bersatu Malaysia
Chedet.cc
3 November 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kepada semua rakyat Malaysia yang cinta Negara Bertuah ini.

Ingin saya maklumkan bahawa Parti Pribumi Bersatu Malaysia sudah tertubuh dengan rasminya.

Kami pengasas telah tubuh parti ini kerana kami percaya dengan sokongan rakyat kami akan dapat pulihkan semula Negara bertuah ini.

Rakyat merata-rata telah menyuara dan mendesak supaya sesuatu dibuat untuk mengembalikan negara ke jalan yang mulia – jalan yang berjaya bangunkan negara miskin ini sehingga terkenal sebagai contoh kepada negara-negara membangun lain di dunia.

Di mana sahaja rakyat Malaysia pergi, mereka dapat berbangga dengan komen baik terhadap kemajuan yang dicapai oleh negara ini.

Tetapi hari ini rakyat berasa malu kerana disindir oleh orang asing kerana Malaysia sudah jadi di antara sepuluh negara yang amat korap, yang Perdana Menteri nya dituduh melesapkan berbillion Ringgit, yang dibeban dengan hutang yang besar, yang rakyat tertekan dengan cukai dan sara hidup yang tinggi, yang tidak diperintah mengikut undang-undang, dan yang merosot kemajuannya.

Demokrasi tidak diamal dalam pemerintahan sekarang dan rakyat hidup dalam ketakutan kerana ugutan-ugutan dan tindakan oleh Kerajaan dengan undang-undang yang zalim atau di luar undang-undang.

Kebebasan bersuara sudah dihapuskan dan rakyat terdedah kepada tahanan tanpa bicara dan tanpa pemeriksaanan post mortem – inquest – ke atas si mati untuk menentukan sebab kematian. Segala tindakan Kerajaan dan pegawainya tidak boleh disoal dalam mahkamah.

Parti kami, akan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang lain untuk mengalahkan BN dan UMNO dalam pilihanraya. Hasrat kami ialah untuk memelihara hak rakyat supaya kembali hidup berbahagia.


Walaupun banyak ugutan dibuat oleh Kerajaan ramai sudah orang Bumiputra mendaftar sebagai ahli PPBM. Dan ramai pula bukan Bumiputra yang mendaftar sebagai ahli bersekutu.

Adalah penting Parti Pribumi Bersatu Malaysia ini mempunyai ramai ahli secepat mungkin. Oleh itu saya jemput semua pribumi yang bukan ahli dalam mana-mana parti pembangkang untuk daftar sebagai ahli dengan mengisi borang atau melakukan daftar online.

Percayalah penyertaan saudara saudari dalam PPBM akan menyumbang kepada pemulihan negara yang akan membawa banyak kebaikan kepada kita semua.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
PENGERUSI,
PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA
PUTRAJAYA

50 thoughts on "Parti Pribumi Bersatu Malaysia"



1. [Log in to Reply umranrc Nov 12, 2016 11:00 AM](#)

Salam Tun,

Dengan terdirinya PPBM dan dengan penyatuannya parti-parti politik yang menentang kecurangan pemerintahan yang ada dihari ini, sedikit sebanyak kita perlu menyediakan sesuatu halatuju untuk kesemua rakyat bergantung harap. Penulisan dibawah ini telah saya sampaikan sebelum ini, tetapi saya ulangnya dibawah tajuk ini untuk pertimbangan gabungan baru ini.

PENGENALAN

– Apakah rintihan rakyat?

Keadilan Hak Asasi

Kos Sara Hidup / Kuasa Membeli

Peluang Pekerjaan / Pendapatan

Perlindungan / Pembelaan

Kesihatan

Pendidikkan

– Dimana 'Kita'?

Peratus yang tinggi menunjukkan Rintihan Rakyat adalah BENAR.

Pendekatan perlu kepada PERUBAHAN.

PEMBANGUNAN LAMAN RAKYAT

Sebuah laman maya yang lengkap berasaskan struktur yang kukuh serta cukup besar untuk menampung keperluan jutaan rakyat. Pendaftaran secara automatik sesudah mencapai umur 21 tahun dimana 'kata laluan' akan dikirimkan secara berdaftar ke alamat terakhir didalam kad pengenalan. Aplikasi telefon pintar juga disediakan dimana penggunaan data semasa melayari laman ini dikecualikan dari sebarang bayaran (untuk semua syarikat telco).

Laman ini menyediakan paparan umum serta paparan peribadi. Untuk paparan umum,

– Perbelanjaan / Perolehan semasa Negara dan Negeri.

– Projek-projek yang bakal dilaksanakan (Negara & Negeri).

– Rumusan pengurusan Negara serta Negeri (Ahli parlimen, ADUN, Ketua-ketua Jabatan dan lain-lain).

Untuk paparan peribadi,

– Status pengguna samada pelajar, bekerja, berniaga, menganggur, berkahwin, OKU, taraf pendidikan, jumlah tanggungan, kepercayaan, keturunan (untuk yang campur, keturunan bapa menjadi sandaran) dan sebagainya.

– Kedudukan kesihatan kritikal (Pengesahan diperlukan).

- Kenyataan pusat pengajian, syarikat tempat bekerja, syarikat perniagaan sendiri atau sumber pendapatan (freelance, pekerjaan sementara, 3D, harta sewaan atau sebagainya).
- Kawasan Undian (Perlimen dan Negeri).
- Undian yang masih terbuka, yakni undian terhadap projek yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Tempatan yang melebihi satu nilai (yang boleh ditetapkan kemudian), dimana ianya perlu memperolehi sekurang-kurangnya 65% undian rakyat sebelum projek tersebut boleh dilaksanakan. Undian dibuka berkategori Negara (yakni terbuka kepada semua rakyat), Negeri (hanya mereka yang tinggal didalam negeri terbabit) dan Tempatan (hanya mereka yang tinggal didalam daerah atau jajahan itu sendiri). Mereka-mereka yang mengundi sebelum tamat tempoh undian akan diberi insentif pengurangan cukai, ini menggalakkan orang awam memberi lebih tumpuan terhadap pembangunan Negara.
- Kemasan Data Percukaian.

PERKHIDMATAN AWAM & HAK ASASI

- TIDAK diniagakan, bayaran perkhidmatan berdasarkan modal yang dikeluarkan.
- Pengambilalihan semua entiti hak asasi, jalanraya, air, elektrik, sistem kumbahan dan sebagainya.
- Penyerapan Pekerja serta Latihan semula. Entiti PLUS misalnya, seramai 2500 orang pekerjanya perlu diserapkan ke sektor lain.
- Bumbung untuk semua, tanpa mengira kaum, kesemua rakyat berhak mempunyai tempat tinggal yang cukup baik untuk didiami manusia.
- Untuk perkara diatas, pusingan kos pembinaan yang munasabah perlu. Dari kos bahan binaan serta kos buruh binaan perlukan ketelusan tanpa pihak ketiga yang mengaut keuntungan ditengah jalan. Penggunaan tenaga dari Angkatan Tentera (semasa tiada keperluan peperangan) boleh difikirkan. Disebalik membina perumahan rakyat, secara tidak langsung para perajurit kita bakal dibekalkan dengan kebolehan asas yang lain. Elaun khas diberikan kepada mereka semasa bertugas menyiapkan pembinaan rumah-rumah ini.

PERCUKAIAN

- Negara perlukan dua tabung cukai yang berbeza, perolehan dari sumber yang sah halal dan perolehan yang tidak dapat dijamin. Dimana penggunaan sumber halal adalah untuk membayar gaji pekerja Islam, pembinaan Masjid dan apa sahaja pembiayaan yang perlukan pendapatan yang halal. Untuk perbelajaan lain-lain, dana dari tabung yang tidak dapat disahkan boleh digunakan.
- GST dimansuhkan kerana dua sebab yang nyata,
 1. Mereka yang tidak sepatutnya dicukai terinaya.
 2. Golongan pembayar cukai sediakala terpaksa menambah peratus cukai yang dibayar. Sebagai contoh, cukai maksimum persendirian adalah 25%, GST walaupun disebut 6%, sebenarnya lebih dari itu kerana barangan bertukar tangan banyak kali sebelum sampai kepada pengguna terakhir. Secara rambangnyanya cukai GST boleh mencecah 10 atau 15% daripada harga asal sesuatu produk. Ini mengakibatkan cukai yang perlu dikeluarkan oleh seseorang pembayar cukai maksimum mungkin mencecah 35 atau 40% dari pendapatannya.
- Semua Rakyat Punyai Data Cukai (Laman Rakyat).
- Nombor Kad Pengenalan adalah Nombor Cukai serta gantian nama untuk daftar masuk Laman Rakyat.
- Setiap rakyat dimestikan untuk mengemaskinikan Penyata Cukai setahun sekali. Bapa-bapa serta Ibu-ibu yang telah lanjut usia dan tiada kepandaian berkomputer perlu kepada anak-anak atau waris terdekat untuk menolong golongan ini mengemaskinikan rekod cukai mereka.

- Kegagalan mengemaskini akan dituruti dengan pengeluaran surat berdaftar kerumah. Dalam sesuatu tempoh yang akan ditentukan kemudian, sekiranya masih gagal, maka para pegawai LHDN akan membuat lawatan susulan (kekurangan pegawai? ingat kepada penyerapan para pekerja dari PLUS, Syarikat AIR dan sebagainya..).
- Sistem kerangka belakang yang mempunyai pautan kepada,
 1. Kesemua data asas pengguna untuk setiap bank diMalaysia.
 2. Kesemua harta berdaftar (Rumah, Tanah, Kenderaan dan sebagainya).

KESIHATAN

- Permohonan bantuan perubatan atau sokongan melalui media masa DILARANG sama sekali.
- Kos Perubatan kritikal akan ditanggung penuh oleh Kerajaan (hanya perlu kepada laporan yang disahkan diLaman Rakyat).
- Membesarkan Hospital serta Pusat Rawatan sedia ada serta menambah jumlahnya dari masa kesemasa berdasarkan statistik penduduk di Laman Rakyat.
- Menambah kakitangan serta latihan lanjutan berdasarkan nisbah penduduk.
- Menilai kos mesin perubatan serta ubat-ubatan secara terus dari pembuat tanpa pihak ketiga.

PENDIDIKAN

- Yuran pengajian 100% percuma sehingga keperingkat ijazah pertama. Peluang diberikan hanya sekali seumur hidup, sekiranya gagal, ulangan di pusat pengajian sama atau yang lain akan dikenakan bayaran yang sepatutnya.
- Kemasukkan ke Universiti Awam berdasarkan,
 1. Kelayakkan Akademik serta Aktif dalam bidang ko-kurikulum.
 2. Peratusan Penduduk (Menurut statistik terkumpul Laman Rakyat, sebagai contoh, Melayu 40%, Cina 35%, India 15%, Kadazan, Iban, Murut dan lain-lain 10%, maka peratusan pelajar juga akan menurut peratusan ini).
- Pelbanyakkan penawaran kursus-kursus praktikal diperingkat diploma dan ijazah. Kurangkan kursus-kursus yang bersandarkan seni dan abstrak (bukan dihapuskan tetapi DIKURANGKAN kerana jumlah permintaan dibidang ini amat terhad).
- Pembubaran Sekolah Jenis Kebangsaan (untuk semua Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan, sekolah tajaan swasta boleh teruskan). Guru-guru setiap sekolah dipindahkan dari satu sekolah ke sekolah yang lain pada suatu jangka masa yang ditetapkan. Langkah ini diambil untuk menghilangkan perasaan jemu serta tidak menjadi 'complacent'.
- Bahasa Malaysia menjadi Bahasa pengantar untuk kesemua matapelajaran kecuali matematik dan sains yang diajar didalam Bahasa Inggeris. Bahasa Ibunda pelajar bukan Melayu boleh dipelajari sebagai subjek elektif. Untuk mencukupkan kelas bahasa ibunda (untuk sesetengah sekolah yang amat kurangnya pelajar bukan Melayu) pelajar Melayu juga boleh dijemput untuk pengajian bahasa ini.

PERKASAAN PERTANIAN

- Memberi penekanan terhadap pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan rakyat tanpa keperluan terhadap impot.
- Membuka peluang pekerjaan yang besar dalam bidang ini serta menitik beratkan kemajuan pertanian untuk menambahkan hasil tani.
- Menguatkan industri sokongan,
 1. Industri Mesin Pertanian

2. Industri Pemantauan Pertanian
3. Industri Kimia dan Bio Pertanian
4. Industri Pengilangan Produk Pertanian
5. Industri Penghantaran
6. Industri Perladangan
7. Industri Perikanan

PERUNDANGAN

- Pemulangan kuasa Raja-raja berdasarkan prinsip 5 Rukun Negara. Sebagai contoh, pembatalan rang undang-undang NSC setelah Agong tidak berkenan akan perlaksanaannya.
- Perlantikan atau Pemberhentian Pegawai Tertinggi Undang-undang bebas dari kuasa politik. Yakni ianya hanya berada ditangan Agong yang memerintah. Pegawai-pegawai ini termasuklah para Hakim, Pendakwa Raya, Pengarah SPRM, Pengarah SPR, Ketua Polis serta Panglima Angkatan Tentera.
- Untuk pengurusan semasa, pegawai-pegawai ini masih tertakluk dibawah kementerian yang berkenaan.
- **HUDUD** digubal untuk dijadikan undang-undang pendua di Negara ini. Perlaksanaannya bergantung seratus peratus keatas pemilihan mereka-mereka yang disabitkan dengan kesalahan. Sekiranya mereka (yang dibabitkan) memilih untuk dihakimi dengan undang-undang sivil, teruskan tanpa ada sebarang pertanyaan berbalik. Begitu juga jika sebaliknya. Pilihan ini diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira ugama atau bangsa.

MEDIA

- Jawatankuasa saringan media ditubuhkan dimana ahli-ahlinya terdiri dari wakil media dari setiap Parti Politik yang berdaftar. Ini membolehkan penyiaran yang tidak berat sebelah disiarkan media arus perdana. Saringan dilakukan untuk media penyiaran kerajaan dan swasta. Penapisan yang serupa juga dilakukan untuk media cetak.
- Langkah ini bertujuan untuk memajukan minda masyarakat terhadap pemikiran kolot yang telah sekian lama ditanam oleh media yang 'bias'.
- Penyebaran dasar-dasar politik serta perbincangan sihat dari kesemua pihak digalakkan. Tiada lagi sekatan baik pro-kerajaan atau pembangkang untuk mengenenahkan isu-isu semasa.
- Sebagai Negara Islam, rancangan yang berbentuk keugamaan hanya terhad kepada Ugama Islam untuk kesemua media penyiaran.
- Kebebasan diberikan untuk penganut ugama selain Islam untuk bersiaran diInternet.
- Propaganda yang melampau serta fitnah yang boleh menjurus kepada perpecahan kaum serta mengocak kedamaian melalui media internet akan disekat dan penyebarannya akan disoal siasat melalui capaian IP.

Tun,

Kita memerangi RASUAH dan PEMBAZIRAN, saya percaya, jika perkara-perkara diatas ini diperhalusi, ruang untuk rasuah ini walaupun masih ada, tetapi tingkاپnya terlalu kecil dan ianya mudah untuk dijejaki.

Terima Kasih Tun.

2.



[Log in to Reply asahamat](#) Nov 7, 2016 3:21 PM

Assalamualaikum wbt Tun

Semoga BERSATU tumbuh dan kembang subur sebagai sebuah parti beramanah, adil dan berdaulat. Beramanah, adil dan berdaulat adalah tuntutan Allah utk setiap umatNya. In Shaa Allah, jika sikap amanah, adil dan berdaulat kita pegang, Allah akan memberkati perjuangan kita.

(2) Kpd para peminat Bloq ini, sehingga PRU14, wajar kita tumpukan perhatian kita utk turunkan dan atau tumbang parti pimpinan Najib MO1. Kita kena tumpu kpd membina Negara di jln benar dgn penuh amanah, adil dan berdaulat. Segala buah fikiran perlu kita jana dan ketengahkan utk kita guna pakai utk turunkan parti pimpinan Najib MO1. Kita perlu tumpukan fikiran, tenaga serta segala sumber ke arah itu.

(3) Kita jgn buang masa berdebat dgn sapa2. Kita tidak perlu melatah tentang apapun. Kita jgn jadi nyamuk. Kita harus jadi pejuang yg sabar dan bijak. Juga kita berjuang bukan utk membela Tun. Tun tidak perlu pembelaan. Jasa Tun jelas. Negara yg mesti kita bela. Negara yg hendak kita selamatkan. Negara ini mesti kita selamatkan dari serakah Najib MO1. Kita bukan berjuang utk membela Tun. Kita berjuang utk Negara. Kita kena hanya tumpu dgn segala bentuk jln utk tumbang Najib MO1 dan parti pimpinannya. Itu matlamat dan akhiran perjuangan kita.

(4) Lawan kita adalah BN. Kelompok kita nama apa? Kita jgn sekali2, terutama Rafizi, hentikan terus2 memperkenalkan diri kita sebagai pembangkang. Kita mesti bangkit dgn satu nama agar kita boleh dilihat dan diharapkan sebagai sinar baru kepada rakyat. Kita kena namakan kelompok kita!

(5) PPBM, motonya Bersatu. AMANAH, motonya Amanah. PKR motonya Keadilan. Itulah juga moto DAP. PAS jika masuk ke kelompok ini, perjuangan Islam hakikinya adalah tentang amanah dan adil. Warisan, motonya mungkin tuntutan kedaulatan sama seperti kehendak parti2 di Sarawak. Moto2 ini adalah teras perjuangan yg luhur. Rakyat sedang berpecah belah. Kita mesti BERSATU. Negara sedang ditadbir secara rasuah dan salahguna kuasa. Kita harus kembali kpd kepimpinan BERAMANAH. Rakyat sedang mengalami cabaran kehidupan yg berbeda2. ADIL dlm agihan layanan dlm segala bidang adalah tuntutan kempimpinan yg raktat mahu. Rakyat harus mendapat hak kesaksamaan mereka. Negara ini sedang terjajah secara tidak disadari. Kita harus kembalikan KEDAULATAN Negara. Malaysia harus tidak hanyut oleh politik dan kepentingan asing. Kita harus berani kembali menjadi berdaulat. Juga Malaysia harus kembali kpd Semangat Asal Persekutuan Msia. Malaya + Sarawak + Sabah = Msia.

(6) Kelompok ini belum punya jati diri. Belum berjenama. Saya sarankan biarlah kelompok ini disebut saja sebagai BERSATU ie kita Bersatu utk Beramanah, Adil dan Berdaulat. Bersatu bukanlah atas singkatan nama PPBM, tetapi bersatu atas kehendak perintah Allah ie kekal bersatu di taliNya. Kita mesti BERSATU ie berjemaah utk beramanah, adil dan berdaulat.

(7) Tun kena usahakan nama bagi Kelompok ini. BN mesti ditentang dgn suatu jatidiri ie Brand Name yg jelas dan jitu.

3.



[Log in to Reply](#) **faridina** Nov 7, 2016 1:06 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Izinkan saya berbicara sebaris dua dengan The Baker dengan izin Wajaperak yang membuat saya teringatkan uncle MC thousand apologies Doc, hope you are bless with good health.

Bila Musato sebut terup 400 atau terup k*ling membuatkan diri ini sedikit nostalgia ialah terkenang di zaman dulu inilah permainan mengisi malam2 yang lapang.

Zaman dulu tiada gadget tiada smart fon tiada dunia jaringan sosial tiada video game yang ada cuma card game dengan jaringan rakan2 seperjuangan yang 'squatting' dekat bilik2 tertentu.

Permainan ini menguji minda dengan pelbagai tipu helah, bahasa isyarat, mimik muka dan persefahaman yang tinggi antara pasangan bergu dan permainan berakhir dengan gelak ketawa berbekal jari2 yang membengkak dek kena jentik dan istilah berpeluk ketiak kena kocok bagi bergu yang kalah, miss those days.

Permainan ini diadaptasikan dari the Bridge dan kemungkinan ianya dibawa masuk penjajah bagi mengisi masa lapang mereka.

Wasalam Tun.

p/s – Buat adik Neezam manja gitu, maaf ya dik tiada jawapan untuk kamu kali ini sebab tiada soalan yang dilontarkan seperti kelazimannya.

4.  [Log in to Reply Kamarulaznan Nov 7, 2016 12:42 AM](#)

Assalamualaikum,

Sekarang ini kita mula kecoh dengan Soros kembali. Kononnya beliau lah yang memberi sumbangan untuk anasir-anasir yang membangkang kerajaan.

Saya pernah menyentuh perkara ini di dalam ruangan dahulu, tidak ingat di bawah tajuk apa. Ini adalah satu tanda permulaan dimana jika perbuatan menghalalkan "funding" telah menjadi precedent kepada perkara yang akan datang.

PM Najib dan AG Apani telah membuat penilaian sesuka hati mereka bahawa duit yang diterima perkara yang tidak serius, maka orang lain tidak kira daripada dalam atau luar negara akan bermain "game" yang sama. Pimpinan negara tidak sedar dalam dunia ini ramai orang yang kaya yang boleh beli Malaysia ini jika mereka mahu kerana "game" PM Najib sudah begitu coraknya.

Kenapa Tun pula yang perlu menjawab isu ini? Tanya MO1 lah.

5.  [Log in to Reply leecoup9 Nov 6, 2016 10:53 PM](#)

Assalamualaikum saudara neezam72,

Maaflah jika saya berkata bahawa saudara mungkin telah buta hati, buta mata dan buta telinga serta otak yang kurang berfikir kerana dengan rahmat Allah yang telah diberi pada saudara masih tidak digunakan dengan sebaiknya.

Lihat, dengar dan fikir dengan sebaiknya dengan fakta-fakta yang terbentang didepan mata. Gunakan akal yang Allah beri untuk berfikir dengan waras, banyakkkan membaca kerana ia adalah ilmu. Tak faham Bahasa Inggeris, tanya pada mereka yang faham. Jangan taksud dengan sesebuah parti atau seseorang tetapi taksudlah dengan perjuangan kebenaran.

Berbalik pada persoalan kenapa Tun tidak menjawab berkaitan virus yang dinyatakan oleh Sultan Johor. Salah satu sebab jika dijawab sebagaimana juga dengan masalah Bangsa Johor yang ditimbulkan dahulu yang telah Tun jawab dan kaitkan dengan Bangsa Malaysia, SULTAN IS ALWAYS RIGHT walaupun secara logic akal kadangkala apa yang dinyatakan Sultan/Raja mungkin memberi pandangan yang berbeza oleh rakyat. Mungkin juga akan digunakan AKTA HASUTAN jika diteruskan lagi dengan jawapan oleh Tun seterusnya dan bermacam-macam lagi persoalan lain yang akan timbul. Ini akan menampakkan pertembungan antara Raja/Sultan dengan rakyat dan memberi implikasi yang tidak baik kepada negara.

Juga berkaitan Pindaan Perlembagaan yang dinyatakan, sepatutnya saudara banyakkkan membaca kenapa Pindaan Perlembagaan tersebut terpaksa dibuat. Memang diakui pindaan tersebut dibuat semasa Tun menjadi PM tetapi ada sebab-sebab yang penting yang memaksa pindaan tersebut digubal. Juga Tun telah memohon maaf kerana Pindaan Perlembagaan tersebut memberi peluang kepada PM Najib dan orangramai (termasuk pejabat AG) memberi tafsiran yang berbeza. Sekali lagi saya kata BACA...BACA..

Berkaitan George Soros saya rasa tidak sukar untuk PDRM mendapatkan maklumat jika benar. Dengan setiap badan/NGO mempunyai audit tahunan serta semua transaksi kewangan dinyatakan dan transaksi ke/dari luar Negara semuanya melalui BNM tentulah tiada masalah mendapatkan semua maklumat diperlukan berbanding mendapatkan laporan kewangan 1MDB. Buktikan dengan fakta lebih mudah tepat. Jangan jadi seperti Ahmad Maslan dengan penuh yakin GST akan menurunkan harga barang sebelum GST bermula.

Akhir sekali, satu pertanyaan buat saudara. Jika ada antara saudara mara anda yang MEMBUAT SALAH dan telah punyai fakta dan maklumat yang jelas dan seseorang bercerita kepada anda dengan bukti-bukti tersebut, adakah anda masih berkata ITU SEMUA FITNAH...MEROSAKKAN PERTALIAN SAUDARA dan sebagainya??? Itu yang dinamakan sebagai BUTA HATI. Saya percaya begitulah juga dengan pendirian saudara neezam72 berhubung dengan kes PM Najib.

Wassalam

6.  [Log in to Reply Hajar](#) Nov 6, 2016 9:27 PM

Salam YAB dan Yang Dihormati Tun,

Tahniah Tun di atas kejayaan Tun membentuk Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)! Selamat maju jaya!

Izinkan saya Tun:

Kepada Sdr. 'Cruze',

Nampaknya anda masih mahu terus mencela saya (tanpa fakta sahah).

Prinsip saya mudah. Jika saya 'disindir', saya akan sindir balik, tetapi ternyata anda mencari pasal dengan saya. So, here we go. Saya akan balas (setimpal – dibenar dalam Islam) jika saya rasa dihina/difitnah, namun saya tidak akan fitnah anda. Kita lihat betapa hipokritnya anda..

1. Kritikan saya (dahulu; yang anda ungkit) tentang 'komen berterusan' (tanpa statistics) anda tentang arak, pelacuran, judi, dadah, dan segala macam maksiat di tempat anda tidak anda fahami, walaupun saya ada beri beberapa faktor2 lain (saya minta anda banyak MEMBACA). Contohnya, faktor 'tonto' (kongsi gelap/ samseng/kaki pukul) dalam menjaga kepentingan premis2 maksiat (ada kegiatan haram). Serbuan2 penguat kuasa boleh digagalkan oleh mereka (samseng). Dan, para penguat kuasa juga ada KELUARGA (selain diri sendiri; letak diri anda di tempat mereka) yang perlu mereka jaga dari ugutan2 para 'samseng'. Memang tidak dinafikan yang ada penguasa yang bekerja sambil lewa/korup, tetapi saya percaya rata2 menjalankan tugas dengan amanah.

2. Saya juga ada tanya anda siapa pemilik2 premis2 tersebut (kaum/bangsa).

3. Saya juga tanya 'siapa' kawal judi 'online'/ Internet atau yang dihantar (SMS) ke HP. Takkan inipun pihak berkuasa juga yang anda mahu salahkan. Fikirlah sikit di LUAR KOTAK.

4. Apa peranan (kewajiban) anda sebagai bapa/penjaga (Islam)?

5. Negara kita negara majmuk; majoriti orang Islam tidak tinggi. Hak2 KEISTIMEWAAN orang bukan Islam (tapi berdegar-degar kata mereka tiada hak keistimewaan...Alahai...) masih dihormati. Mereka ada hak untuk minum arak, main judi, pergi pub dan buat segala macam 'maksiat' yang orang Islam ditegah untuk lakukan (tapi biasalah ada Islam yang ingkar).

6. Memandangkan anda kononnya hebat berfikir di luar kotak, cuba beri cadangan bagaimana kita boleh elak (hapuskan terus lebih baik) dari ada pub2, premis2 judi/hiburan, arak, rumah urut (menjurus kepada pelacuran), etc, yang orang bukan Islam BERHAK untuk buka?

7. Anda pernah kata di blog Chedet bahawa anda tidak kisah jika 'kawan2' anda minum 'arak' di depan anda. Ternyata anda seorang yang LIBERAL. Anda boleh nafikan (jika anda seorang HIPOKRIT). Seseorang ada menegur anda tentang isu ini. Lupakan?

8. Sekarang anda komplek (tidak henti2) tentang gejala sosial remaja di sini – amat memualkan. Adakah anak anda juga 'liberal' seperti anda? Ini salah siapa? Kita (Muslims) dilarang mendekati arak / judi/ etc. Tapi anda tidak kisah orang minum arak depan anda; tapi komplek berlebihan bila menghadapi masalah dengan arak/ judi/ pelacuran/ etc. Anda amat HIPOKRIT!

9. Saya rasa mual sebab gejala2 sosial yang anda sebut sebenarnya ada di mana2 di Malaysia, tapi anda memilih 'pihak' bila mengutuk (hipokrit lagi!). Di SELANGOR lagilah teruk walaupun PAS berjanji macam2 untuk banteras arak, judi, dan segala macam maksiat bila berkuasa. Tapi yang berlaku ialah MAKSIAT dan PREMIS2 maksiat "semakin bertambah" semenjak PAS/PKR/DAP berkuasa di Selangor. Shah Alam yang dahulunya 'BERSIH' juga sudah KOTOR. Anda boleh selidik sendiri hal ini.

10. Seorang CIKGU pernah cerita kepada saya perihal akhlak buruk pelajar2 bawah umur di sekolah beliau (bebas macam orang tidak beragama) di Selangor.


11. I'm sorry to tell you that you look stup*d talking about all these problems here (repetitively) when the STATES under the Oppositions is/are among the worst (with regards to social/moral problems among school children and adolescents; ada yang dalam 'top 3' – salah guna dadah).

12. Soalan cepumas: SIAPA yang luluskan LESEN Hiburan (termasuk pub / disko/ hotel/ karaoke/ etc.) kepada premis2 hiburan (dan melakukan pemantauan)?

Mampukah Pembangkang (PKR/PAS/DAP) tolong anda wahai Sdr. Cruze (dalam menangani hal ini)? Masalah lain seperti sampah saraf (selain sampah masyarakat) dan air pun masih berterusan di Selangor, dan semakin kronik!

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

7.  [Log in to Reply](#) **musato** [Nov 6, 2016 8:25 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Umur Tun ni lebih kurang umur arwah toki saya.

Dulu masa saya kecil kecil dulu, kalau saya balik kampung (jarang balik) masa bulan Ramadhan, bila pepagi saya angkat tudung saji, toki saya terus suruh makan. Kalau tak nak nasi, dia suruh panjat pokok rambutan.

Masa duduk saje saje pulak dia ajak main terup 400 (rasenye untuk berjudi pun).

Bila dah besar banyak, dia marah kalau saya bersihkan kawasan tangga rumah lepas saya buat kotor. Dia ajar saya buat kotor.

Apa la toki saya ni.

Bila saya beritahu tok saya yang saya tolong Tun Mahathir, dia kata tanya toki, yang sedang duduk sebelah saya.

Tapi toki saya diam je. Tak kata apa apa pun.

Maaf lah cucu cucu sekalian, toki ajar kotor sikit.

Toki saya biasa bela kerbau. Dalam lumpur ada pacat. Saya yang jarang ke dalam lumpur, lari lintang pukang takut pacat.

Toki saya kata hisaplah rokok. Tembakau tanam sendiri takpe. Tak mati.

Maaf ye, toki ajar kotor sikit.

Terima kasih Tun.

8.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 6, 2016 7:50 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Anti rasuah,

Ye la kan, kalau dah jadi ahli politik siapa nak dengar lagi. Tapi yang peliknya, semua jentera kerajaan digunakan untuk lawan Tun Mahathir walau Tun dah keluar UMNO dan lepaskan jawatan.

Sambung cerita sikit lagi. Dah berhari hari, 'abang' saya tak jenguk saya, tetiba dia datang ajak ke satu tempat dalam jam 8.00 malam. Katanya "kawan kawan aku dah lari balik tak sanggup datang. Kau nak pergi ke?"

Saya okey je. Maka melangkahlah kami ke satu arah iaitu sebuah tempat kelab malam. Tetiba dah dekat 60 meter nak sampai kat pintu masuk, keluarlah dalam 4 orang bodyguard.

Semuanya muka pucat dan seorang tu ada parut panjang di muka. La ingatkan dalam filem je ada cam gitu, rupa rupanya kat situ ada jugak.

Ingat nak terus je jalan masuk. Alih alih 'abang' saya suruh saya balik. Baru nak kenal sikit. Saya kira situ kawasan hitam. DNP juga mungkin.

Pun betul kata Cruze, CD lucuh dilonggokkan macam jual pasar malam, mana tak hilang teruna dan dara.

Terima kasih Tun.

9.  [Log in to Reply neezam72](#) [Nov 6, 2016 5:57 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya mahu tahu kenapa Tun tidak ada membalas balik apa yang diperkatakan oleh Sultan Johor baru-baru ini mengenai VIRUS yang menular didalam negara kita. Virus tersebut apa dikatakan datang dari parti-parti baru yang menjadi PEROSAK kepada perpaduan dan keharmonian didalam negara kita.

Juga didalam titah baginda juga telah diceritakan mengenai pindaan perlembagaan 40(1A) yang mana ditanya oleh Sultan Johor siapa perdana menteri pada tahun 1994 dahulu.

Terbaru mengenai isu George Soros yang mana Tun lebih pentingkan isu mahu menjatuhkan Najib berbanding isu dana yang disalurkan oleh yahudi yang juga pernah Tun kata sebagai seorang PENYANGGAK MATA WANG dahulu. Kenapa sekarang Tun tidak mahu ambil tahu akan isu tersebut. Masih lagi mahu menjatuhkan Najib. Jika apa yang saya baca dalam Malaysiakini (yang juga ada dikaitkan mendapat dana dari yayasan yahudi ini) kenapa Tun tidak menyanggahnya? Malah Tun pula kata mahu lihat sumbangan tersebut. Bak kata lain BUKTI. Betul tak. Tetapi bagaimana dengan Tun sendiri yang kerap menuduh Najib mencuri dan juga menyamun tetapi Tun sendiri tidak menunjukkan apa-apa bukti pun semua dakwaan yang telah Tun lemparkan kepada Najib. Kenapa sampai begini jadinya Tun.

Sedarlah Tun. Hari ini hanya kerana Tun UMNO berpecah. Kerana Tun juga negara yang aman kini kembali bergolak. Sepatutnya Tun sebagai "ROLE MODEL" kepada generasi muda harus menunjukkan budi pekerti dan sikap sebagai bekas Perdana Menteri dijadikan contoh kepada lebih muda bukan mengikut rentak mereka pula. Saya sedih melihat seorang NEGARAWAN NEGARA kini jatuh ketahap bawah hanya kerana seorang PERDANA MENTERI. Sikap Tun sejak zaman Tengku sehingga sekarang langsung tidak berubah, kenapa?(kecuali Tun Abdul Razak).



10. [Log in to Reply](#) **Anak Warisan** Nov 6, 2016 2:29 PM

Assalamualaikum Yang Dihormati Tun,

Penubuhan PPBM (BERSATU) bukan sahaja memberi nafas baru kepada arena politik tanahair, malah ianya menjadi satu suntikan kepada politik Malaysia yang bakal memberi kesedaran kepada parti politik yang lain khasnya dan rakyat amnya.

Bukan saya katakan rakyat tidak sedar atas apa yang berlaku. Rata-rata rakyat sedar keadaan ekonomi sekarang dan tahu wujudnya BERSATU. Pun begitu, izinkan saya memberi sedikit pandangan.

Kini era teknologi maklumat. Suatu era dimana maklumat boleh didapati di hujung jari. Setiap siri jelajah BERSATU disalurkan ke media elektronik melalui whatsapp dan youtube. Ramai yang mengikuti siri jelajah BERSATU melalui youtube yang mana mereka ini mungkin berada jauh daripada lokasi jelajah BERSATU.

Mungkin sudah tiba masa, rakyat disajikan dengan pelan ekonomi yang bakal dilaksanakan sekiranya BERSATU menerajui kerajaan. Damaged has been done. We have to move forward. Untuk menanggapi hutang kerajaan yang telah meningkat kepada RM600b bukan lah sesuatu yang mudah.

Masih belum ada mana-mana parti yang berani membentangkan pelan pemulihan hutang kerajaan. Mungkin khawatir akan dimanupulasikan atau ditiru oleh parti yang lain. Pelan pemulihan yang dirangka perlu tidak dibebani oleh rakyat. Sekiranya beban rakyat masih ditakuk sekarang ini di dalam pelan tersebut, mungkin rakyat masih memilih BN.

Akan tetapi biarlah pelan itu sesuatu yang realistik. Bukanlah sesuatu yang dibuat sebagai gula-gula kepada rakyat.

Saya lebih suka sekiranya BERSATU bergerak atas landasan sendiri daripada bersama parti politik pembangkang yang mungkin ada satu dua yang akan menidakkan hak Melayu sekiranya berjaya menubuhkan kerajaan suatu masa nanti. Walaupun diakui payah dan sukar untuk bergerak sendirian, tetapi ada golongan rakyat yang kurang bersetuju dengan gabungan BERSATU dengan DAP.

Ada golongan rakyat yang lebih suka sekiranya ada BERSATU juga memberi penerapan ciri-ciri Islam di dalam penubuhan dan kaedah operasi parti. Bukan sebuah parti yang sekular 100%. Kini, sekiranya seorang Melayu sukakan sekular maka UMNO, PKR dan AMANAH akan menjadi pilihan, sekiranya ciri keislaman maka PAS akan menjadi pilihan.

Mungkin BERSATU boleh mengisi ruang antara kedua ciri ini.

Semoga Tun dan seluruh pasukan penggerak PPBM (BERSATU) akan berjaya memenangi hati rakyat dan berjaya di dalam PRU akan datang.

Insya Allah, DIA akan membantu hambaNya apabila dimohon pertolongan dan bantuan.

Wassalam



11. [Log in to Reply](#) **zulu** Nov 6, 2016 1:42 PM

"Annuar: Umno not involved with Red Shirts' protest at Malaysiakini"

If that's true, why don't they remove the guy called "Jamal Yunos" from UMNO?

Hope Malaysians are not that fools to believe whatever they say...

From video clip, it's clear that those attended just came for pockets of food and drinks distributed there.



12. [Log in to Reply](#) **umranrc** Nov 6, 2016 1:42 PM

Salam Tun,

Mohon laluan untuk mengulas Tuan/Puan Faridina dan Cruze.

Dalam masyarakat majmuk, kita tidak dapat lari dari adanya pengaruh-pengaruh yang merosakkan. Kalau benar-benar diselidiki, kesemua kepercayaan didunia ini menegah apa yang menjadi larangan pegangan kita. Bezanya, mungkin kurang penekanan terhadap larangan-larangan tersebut.

Kedua-dua pihak, yakni ibubapa/penjaga serta Kerajaan Tempatan perlu memainkan peranan masing-masing untuk melenyapkan pengaruh-pengaruh negatif ini atau kalau tidak pun mengurangkan kesannya.

Seperti yang Tuan/Puan Faridina sentuh, ibubapa mungkin kurang berkesempatan untuk memerhatikan anak-anak mereka kerana terlalu sibuk bekerja untuk mengimbangi kesempitan kuasa membeli dewasa ini, ada betulnya. Bagaimanapun tumpuan penuh dari salah seorang penjaga perlu juga diadakan terutamanya untuk anak-anak yang baru menjangkau belasan tahun. Jika ini gagal diadakan, kita terpaksa menyalahkan diri kita sendiri kerana gagal membimbing anak-anak kita.

Mengenai peranan Kerajaan Tempatan untuk membenters kegiatan terlarang ini, YA, diakui ada sesetengahnya macam terlepas pandang. Dilaporkan hari ini, besok tindakan diambil, lusa pusat perniagaan dibuka semula. Dan begitulah seterusnya. Ya, benar jika tiada gula maka tiadalah semutnya; tetapi jika tiada gula diatas meja, adakah kesemua semut didunia ini tidak mendapat bekalan gula? Pada dasarnya, sekiranya sesuatu perkara itu tidak dilihat dengan mata seseorang secara fizikal, didalam alam sesawang bagaimanapun, ianya bersepah! Yang sebetulnya, kebanyakan anak-anak hari ini mula mengenali banyak perkara melalui atas talian.

Undang-undang Negara mengenai perkara ini telah digubal dengan baik, cuma yang berkurangan adalah penguatkuasaan sahaja. Kita semua berharap, ramai lagi yang diamanahkan untuk melaksanakan penguatkuasaan ini melakukan tugas-tugas mereka dengan jujur.

Kita cuba yang terbaik, kita aturkan yang terbaik, tetapi yang benar-benar terbaik untuk kita hanya Yang Maha Esa sahaja yang lebih mengetahui. Bagaimanapun, sebagai hambaNya, ianya menjadi kewajipan untuk kita berusaha, dan berusaha dan terus berusaha untuk memulihkan keadaan.

Terima Kasih Tun.



13. [Log in to Reply faridina](#) Nov 6, 2016 12:59 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Ketika menunggang kaldai yang sarat dengan muatan dedak tadi hamba melalui sebuah warung dengan otai-otai tua tidak berbisa yang sedang bersarapan pagi dengan salah seorangnya membawa haiwan peliharaannya seekor anak kaldai.

Apa yang hamba cuba sampaikan di sini ialah mengapa otai tersebut membela anak kaldai tersebut hanya untuk dijadikan bahan lawak jenaka mereka?

Hamba cukup sedar bahawa kepincangan pimpinan hari ini memerlukan kehadiran begitu banyak keluarga kaldai dari kaldai tua kerepot hinggalah ke anak kaldai tadi tetapi mungkin dek kerana tiada modal berbicara kosong pagi2 Ahad untuk membuang masa maka jadilah anak kaldai tadi alsebab untuk bergelak ketawa.

Tidakkah mereka sedar diwaktu yang sama, ada di kalangan rakyat prihatin yang dicop sebagai pembelot, pelupa, nyanyuk, hilang ingatan dan 1001 lagi gelaran sedang menangisi nasib anak bangsa dan negara serta sedang berusaha membela nasib mereka termasuklah kaldai walau 1001 rintangan dihadapinya.

Yang penting platform untuk bersatu teguh bercerai Arm No roboh telah pun sebulan dua wujud dengan sambutan dalam jangkaan dan bukan di luar jangkaan ya.

Hamba juga terpanggil bercerita kisah kampung halaman hamba nun jauh di selatan tanahair yang dengan sekelip mata berubah lanskap pinggiran selatnya dengan bangunan pencakar langit khabarnya dipelopori pemilik Tanah Jajahnya dengan kolaborasi saudagar dari negara Tionghua dengan 'tendangan balik' berguni2 wang emas.

Tidakkah ini satu bentuk penjajahan baharu dan tidakkah reputasi saudagar negara Tionghua boleh dipertikaikan umpamanya bas penumpang buatannya boleh terbakar dengan tiba2 dan kemungkinan cepat dibangunkan maka cepatlah runtuh tak semena-mena.

Saudagar negara tersebut boleh buat magik umpama telur tiruan, beras tiruan, handfon tiruan dan apa sahaja di bawah langit kecuali team bola tiruan MU, Barca atau RealM.

Lebih menggerunkan kolaborasi ini telah diterima pakai akai oleh Memanda yang bernajis bagi kelangsungan rejim dan kantungnya sendiri.

Aduhai moga dipercepatkanlah putaran masa agar esok ada PRU biar rakyat cepat berpeluang pilih kerakyaterurus (menggantikan perkataan keRajaan yang dah tak relevan).

Tapi Mat Malaslayan kata esok mana ada pilihharaya huhuhu...

Wasalam Tun.



14. [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** Nov 6, 2016 11:03 AM

Umranrc

Faridina

Cruze

Rimba.Emas

Fariq Islam

Housewife

Kipidap!!!

Islam is a way of life...

Rasulullah promotes islam through himself by making good deeds... Thats why people attracted to our beloved messenger Muhammad SAW...

Imagine if he used foul language to other people...

Imagine if he was liar from the start... From a child he was a liar... What a blasphemy thought that i have right now...

But please... Think for a while... Islam is all about love, peace n truth... So how did our Rasulullah promotes islam in this naked world?

By promoting islam by what it is through himself... And through ourselves as his follower... There is one quote for all religion...

"Jerusalem has no need of a perfect knight. No... It is a kingdom of conscience... Or NOTHING."

Jazakumullahu khairan kathiraa...



15. [Log in to Reply](#) **Aktivis Islam** Nov 6, 2016 10:53 AM

Assalamualaikum Tun,

Maaf jika sy kurang arif hal politik ni, lgpon agak sibuk kebelakangan ni. Harini sy terpandang berita Tun duduk sebangku dan bersalaman dgn george soros. Mesti berbulu PM dan konco2 tgk, laju encik sallah keruak berkata2. Entah apa yg Tun fikir ye, Tun ni org bijak berpengalaman. Mungkin strategi "Enemy of my enemy is my friend" main peranan disini. PM kita dah kelam kabut, beralih arah dari USA ke China, bak kata habis madu sepah dibuang. Sy sedar Tun bkn berniat utk rapat dgn musuh islam ni, tp sekadar utk menjatuhkan rejim najibrazak. Jika PM dah blok USA dari region SEA dgn

beralih ke China, Tun pula buka jalan dan peluang pada USA utk kembali, ini akan menutup peluang utk PM kembali rujuk kpd USA. China pula sekadar mengambil kesempatan keatas PM utk kukuhkan kedudukan di SEA dan ketepikan USA. Sama juga mcm sbb kenapa Tun blh berbaik dgn Kit Siang dan DS Anwar Ibrahim. Pada pandangan kami, Tun bijak mengetepikan isu peribadi utk kepentingan rakyat sbb kami rakyat tdk ambil peduli ttg sengketa Tun dgn DS Anwar . Kemakmuran, kemajuan dan kestabilan ekonomi negara yg kami dambakan. Tanggapan soros menyalurkan dana pada pembangkang juga akan memeningkan pm kita yg tekun mencuri sana sini dana lobi PRU akan dtg. Byk yg bermain di fikiran sy sekarang ini. Maaf jika penulisan sy tidak bersandarkan fakta kali ini, sekadar logik akal. CUMA satu yg jelas, PM sibuk korek lubang kiri kanan tp lupa nak kambus blk. Harap2 persefahaman Tun kali ini (bersama BERSIH, Soros, etc) sekadar utk 1 matlamat jatuhkan rejim Najib dan Umno dan tak lebih dari itu. Islam harus diutamakan. Selain itu, sy berkongsi sentimen dgn bbrp commenter disini ttg mentaliti Umno yg menyelinap dlm PPBM. Ttg veteran Umno dlm PPBM (sbg cth Rafidah yg terkenal rasuah dizamannya), reputasi mereka bkn elok mana. Biarlah generasi baru ambil alih tugas. Ahli politik pon patut undur bila dah umur pencen tu. Encik2, Tuan2, Tun nak berpolitik silakan, tp jgn sampai pisang berbuah 2kali. Wallahualam bisawab. Jazakallahu khaira.



16. [Log in to Reply Tired](#) Nov 6, 2016 10:26 AM

Salam Tun,

1. Maaf cakap. Jiwa ('psyche') kebanyakan orang Melayu ni bukan sahaja bersikap mudah lupa tetapi mereka juga bersikap pesimis ('dunia akan kiamat esok!'), skeptik ('manusia tak boleh sampai ke bulan!') dan negatif ('manusia bukan malaikat!')
2. Secara semula jadinya, mereka malas! Mereka tak mahu berusaha (walaupun dah papa kedana!) Mereka lebih suka membuang masa menghisap rokok sambil meminum kopi di kedai2 kopi daripada melakukan sesuatu yang lebih produktif. Mereka suka omong2 kosong; suka berangan, suka cakap besar terutama sekali berkaitan kejantanan mereka (walaupun hakikatnya mereka 'mati pucok!!')
3. Mereka benci kepada perubahan ('change'). Mereka selesa dengan status quo mereka. Mereka malas berfikir; apa jadi dan akan terjadi, adalah ketentuan Illahi. Mereka cepat puas hati tetapi mereka juga cepat melatah! Mereka suka joli; berhibur dan menghibur. Mereka cepat mengalah (kononnya hormat tetapi hakikatnya jahil!). Mereka amat selesa dipuji (justeru, senang 'dibeli!'). Mereka cetek agama dan pendidikan (justeru, senang untuk dimanipulasi!) Mereka sentiasa pasrah ke atas 'ketentuan Illahi' (tanpa membuat sebarang usaha untuk mengelakannya!) Hanya dengan memberi sebatang rokok, sepinggan mee hailam, dan secawan kopi, mereka sanggup membakar mana2 istana!
4. Justeru, jika Tun mahu mereka menyertai PPBM/PKR/PAS/DAP/Amanah/NGO2 mesra Tun ('Pakatan Bersatu'/'PB'), Tun perlu menuruti kemahuan dan kehendak mereka! Jika ia berlawanan dengan prinsip Tun/PB, gunakan kaedah lain, iaity, dengan menaikkan semangat juang mereka. Perkenalkan sebuah lagu tema PB yang bersemangat juang serta merdu untuk mereka dendangkan (dan sekaligus menanam semangat juang dan taat setia mereka terhadap PB!)
5. Di ceramah2 PB, topik2 yang perlu diketengah haruslah menjurus kepada topik2 yang berkaitan dengan isu2 semasa. Sebagai contoh, "kerajaan sekarang telah banyak berhutang di dalam dan di luar negara! Akibatnya, banyak subsidi2 telah ditarik balik, harga barangan keperluan asas naik

melambung, GST diimplimentasikan, dsbnya." Topik2 berkaitan keakraban bangsa Malaysia, kebebasan beragama di Malaysia, dan kemakmuran negara Malaysia, amatlah sesuai untuk diketengahkan. Topik2 berkaitan 1MDB, BR1M, 'Derma Pak Arab' RM2.6bilyon, duit SRC RM42milyon, dsbnya, tak perlu diketengahkan. PB perlu fokus kepada topik2 semasa yang tidak kontroversi dan bersikap memupuk perpaduan. PB perlu menonjolkan imej yang profesional, kedewasaan, kesederhanaan, dan rasional.

6. Jauhi topik2 yang mampu membawa kepada pepecahan PB. Segala usaha wajib digembeling oleh semua pihak2 berwajib di dalam PB untuk memastikan bahawa PB sentiasa, "Bersatu, Teguh & Berdisiplin!"

Sekian, Tun, terima kaseh. Wassalam.

P.S.

7. Pra-Merdeka semasa zaman pentadbiran British, rakyat negara Cina telah dibawa masuk ke Malaya untuk bekerja dilombong2 bijih timah. Selepas Merdeka, disebabkan kegigihan mereka bekerja, kebanyakan daripada mereka telah berjaya menguasai ekonomi Malaysia; orang2 Melayu dan UMNO, marah! Untuk 'mengimbangi agihan ekonomi,' kerajaan telah menubuhkan DEB (dan masih digunapakai sehingga kini walaupun ianya sudah lapuk, dan orang Melayu tetap mundur!). Terkini, selepas 59 tahun Malaysia merdeka, orang2 Melayu (termasuk Bugis) dan UMNO membawa masuk rakyat negara Cina sekali lagi (Fasa ke-II) ke Malaysia untuk bekerja membangun infrastruktur dan sector hartanah negara. Selepas PN50, dengan kegigihan negara Cina, ia akan menguasai Malaysia; orang2 Melayu (Bugis dah cabut lari!) dan UMNO, marah lagi!



17. [Log in to Reply Karl Iskandar Nov 6, 2016 10:08 AM](#)

Ketika sarapan tadi, seorang otai buat lawak dgn menyamakan PPBM sebagai Parti *PEMBELOT* Bersatu Malaysia.

Bila saya baca semula entri DrM kali ini, antaranya DrM menyuarakan hasrat untuk, "Parti kami, akan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang lain untuk mengalahkan BN dan UMNO dalam pilihanraya."

Betullah seperti kata otai tu, dan bagi saya pula PPBM yang diterajui oleh DrM ialah Parti *PELUPA* Bersatu Malaysia.

Mahathir Mudah Lupa is the new meme. Apa yang DrM tujukan kepada orang Melayu, Allah dah kembalikan kepadanya.

Ni nak habaq mai



18. [Log in to Reply Fariq Islam Nov 6, 2016 9:33 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Ramai yang sedia menyokong PPBM, dengan undi dalam tangan. Namun, PPBM akan menghadapi cabaran dan rintangan besar, kerana-

- a. BN menikmati kubu undi kakitangan kerajaan, tentera dan polis (yang mana BN harus berterima-kasih kepada Tun atas usaha dulu mendirikan kubu ini)
